

NO. SOALAN : 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 05.11.2014

RUJUKAN : 7183

SOALAN:

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan bilakah Kerajaan akan menguatkuasakan
Akta SOSMA 2012 ke seluruh negara untuk menangani ancaman-
ancaman dari dalam negara dan luar negara.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun menguatkuasa Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau SOSMA sejak 31 Julai 2012 sebagaimana warta P.U. (B) 256/2012 untuk menangani ancaman-ancaman dari dalam dan luar negara.